

Perkahwinan dan Keluarga dalam Masyarakat Cam¹

FATIMAH ABDULLAH, MOHAMAD ZAIN MUSA & FARID MAT ZAIN

ABSTRAK

Keluarga merupakan satu institusi penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat. Dalam masyarakat tradisional, keluarga berfungsi sebagai penggerak dalam aspek ekonomi, sosial, pendidikan dan agama. Ahli-ahlinya saling bekerjasama atau bantu membantu dalam aktiviti produktif, bersama-sama mendidik anak-anak baik dalam perkara berkaitan dengan kemahiran hidup mahupun hal keagamaan. Sungguhpun aktiviti kerja dibahagikan mengikut gender, seluruh ahli keluarga dan sanak saudara saling menghulurkan bantuan terutamanya semasa kesusahan atau upacara-upacara kekeluargaan seperti perkahwinan dan kematian. Hal ini tidak menghairankan kerana kebanyakan ahli keluarga tinggal berdekatan atau tinggal dalam perkampungan yang sama. Kini jalinan hubungan tradisional yang berasaskan kepada ikatan kekeluargaan itu semakin terhakis apabila berlaku pemodenan dan diikuti pula oleh perbandaran telah menyebabkan elemen tersebut meresap masuk ke dalam masyarakat tradisional. Penghijrahan golongan muda ke bandar untuk ikut serta dalam aktiviti bandar dan kewujudan bentuk serta pola kerja yang baru telah banyak merubah pola perkahwinan dan jalinan hubungan keluarga dalam masyarakat tradisional. Sehubungan dengan huraian di atas, makalah ini cuba mengupas hal-hal berkaitan dengan pola perkahwinan dan jalinan hubungan kekeluargaan dalam masyarakat Cam. Persoalan yang akan dikupas ialah apakah pola perkahwinan dan keluarga dalam masyarakat berkenaan telah berubah yakni daripada perkahwinan bersifat endogami kepada exogami? Bagaimana pula dengan struktur dan hubungan kekeluargaan dalam masyarakat berkenaan? Berkait dengan persoalan-persoalan juga apakah faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan tersebut selain daripada faktor seperti yang dinyatakan di atas. Data yang dibentangkan dalam makalah ini adalah didasarkan kepada kajian yang telah dilakukan terhadap masyarakat Cam di Malaysia dan di Kemboja.

Kata kunci: Keluarga, perkahwinan, perubahan, hubungan kekeluargaan

ABSTRACT

Family is an important institution in the formation of a society. In traditional society, family functions as a driving force in economic, social, education and

religion. Its members work together or help each other in productive activities, along with educating children in matters relating to the good life skills or religious matters. Although work activities are divided according to gender, all family members and relatives provide each other their mutual assistance, especially during sad moments of distress or death or happy occasions such as marriage. This is not surprising because many family members are living in or near the same village. Current relationship based on traditional family ties are eroding due to modernization followed by urbanization of traditional society. Migration of young people to urban areas to participate in city activities which are of new work patterns has changed patterns of marriage and family relationship in the traditional society. In view of the above description, this article tries to analyse matters relating to patterns of marriage and family relationship in Cam society. Do the patterns of marriage and family in the said community has changed its nature from formerly of endogamy to exogamy marriage? Are there any changes in the family structure and relationship within members of the community? Are there any other factors other than those mentioned above which influence these changes. Data presented in this article is based on the research that has been carried out in Cam community in Malaysia and Cambodia.

Key words: Family, marriage, change, family relationship

PENGENALAN

Keluarga merupakan institusi yang penting dalam kebanyakan masyarakat. Dalam masyarakat tradisional keluarga melaksanakan pelbagai fungsi ekonomi, sosial, pendidikan dan agama. Ahli-ahli keluarga sangat rapat dan sentiasa bantu membantu dalam aktiviti produktif, bersama mendidik anak-anak baik dalam hak berkaitan dengan kemahiran hidup mahupun hal keagamaan. Sungguhpun aktiviti kerja dibahagikan mengikut gender, seluruh ahli keluarga dan sanak saudara saling menghulurkan bantuan terutamanya semasa kesusahan atau upacara-upacara dalam keluarga seperti perkahwinan dan kematian. Hubungan kerjasama dan bantu membantu itu menjadi lebih mudah kerana mereka tinggal berdekatan atau dalam perkampungan yang sama. Kini jalinan hubungan kekeluargaan yang berasaskan kepada nilai-nilai tradisional itu semakin terhakis apabila proses pemodenan dan diikuti pula oleh perkembangan bandar telah meresap masuk ke dalam masyarakat tradisional. Penghijrahan golongan muda ke bandar untuk ikut serta dalam aktiviti bandar dan kewujudan bentuk serta pola kerja yang baru juga turut merubah pola perkahwinan dan jalinan hubungan keluarga dalam masyarakat tradisional.

Sehubungan dengan huraian di atas, makalah ini cuba mengupas hal-hal berkaitan dengan pola perkahwinan dan jalinan hubungan kekeluargaan dalam masyarakat Cam. Persoalan yang akan dikupas ialah apakah pola perkahwinan dan keluarga dalam masyarakat Cam telah berubah yakni daripada perkahwinan bersifat endogami kepada eksogami? Bagaimana pula dengan struktur dan hubungan kekeluargaan dalam masyarakat berkenaan? Adakah pola penempatan matrilokal masih dipraktikkan? Berkait dengan persoalan-persoalan itu ialah apakah faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan tersebut.

Makalah ini membicarakan tentang pola perkahwinan dan keluarga dalam masyarakat Cam di Kemboja dan juga di Malaysia. Data yang dibentang dalam makalah ini adalah didasarkan kepada kerja lapangan yang telah dilakukan antara bulan Mac 2008 hingga April 2009. Kajian di Kemboja telah dilakukan di beberapa buah perkampungan masyarakat Cam yang terletak di keliling Tasik Tonle Sap dan Sungai Tonle Sap iaitu di Kompong Chhnang, Pursat, Battambang, Siem Reap, Kompong Thom, Kompong Cham dan Km9 Phnom Penh pada 16 hingga 24 November 2008 sementara kajian di Kelantan telah dilakukan beberapa kali sejak Mac 2008 di Paya Rambai dan Kampung Bunga Emas, dekat Kota Bharu; Kampung Tendung di Jajahan Pasir Mas, Kampung Banggol Tok Hajar Jajahan Tanah Merah dan Kampung Belukar, Gunong, Jajahan Bacok.

LATAR BELAKANG MASYARAKAT CAM DI KEMBOJA DAN KELANTAN

Orang Cam, yakni salah satu etnik dalam rumpun Melayu-polinesia atau Austronesia adalah rakyat Kerajaan Campa yang telah wujud sejak tahun 192 Masihi. Sepanjang sejarahnya, sebahagian besar daripada orang Cam telah meninggalkan tempat asal mereka setelah kejatuhan kerajaan Campa dan kemaraan serta penguasaan wilayah Vietnam ke bahagian selatan iaitu *Nam tien*. Berikutan daripada itu mereka mencari tempat yang lebih selamat untuk perlindungan bagi meneruskan kehidupan. Kebanyakan mereka menetap di Kemboja. Walau bagaimanapun, peristiwa yang berlaku dalam suku ketiga abad ke 20 telah menyebabkan mereka yang masih tinggal di Kemboja dan Vietnam berhijrah sekali lagi ke negara-negara yang lebih jauh untuk menyelamatkan diri. Antara negara-negara yang menjadi tumpuan mereka ialah Malaysia, Eropah, Amerika dan Oceania (Mohamad Zain 2004).

Di Malaysia Orang Cam merupakan satu kumpulan etnik minoriti. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, bahagian besar daripada mereka mula datang ke negara ini pada tahun 1975 akibat pergolakan politik di Indochina khususnya semasa Perang Vietnam Kedua. Tumpuan mereka pada mulanya ialah di negeri Kelantan. Kedatangan mereka ke Kelantan juga mempunyai kaitan dengan sejarah perhubungan antara orang Islam di kedua-dua tempat itu. Menurut Nik Mohamad (2005) hubungan dua hala antara orang Cam dengan orang Melayu Kelantan telah wujud sejak lama apabila ada orang Cam yang datang mengaji atau menuntut ilmu di pondok-pondok seperti di Sungai Pinang, Jalan Merbau dan Atas Banggol sehingga ada surau-surau di Kelantan yang dikenali sebagai Surau Kemboja. Menurut Nik Mohamad lagi ada di antara orang Cam yang belajar di Kelantan pada masa dahulu yakni abad ke 19 dan awal abad keduapuluh yang berkahwin dengan wanita Melayu Kelantan dan menetap di Kelantan. Sementara itu ada pula yang membawa pulang isteri mereka ke Kemboja.

Hubungan dua hala itu berterusan dengan adanya guru-guru agama dari Kelantan mengajar orang Cam di Kemboja. Malah ada di antara mereka yang ke sana (Kemboja) telah berkahwin dengan wanita Kemboja dan menetap di Kemboja. Mengenai hal yang sama Abdullah Nakula (1989) menyebut bahawa sebelum abad ke 19 dan 20 Masihi terdapat lapan orang lelaki dan tujuh orang wanita Kelantan yang telah pergi ke Kemboja. Pada abad kesembilan belas terdapat sembilan orang guru agama (Tok Guru) dari Kelantan yang telah pergi/berhijrah ke Kemboja sementara abad keduapuluh pula terdapat lapan orang Tok Guru pergi ke Kemboja. Di antara Tok-tok Guru itu ada disebutkan terdapat Tok Guru Perempuan (Nik Mohamed 2005).

Pada masa kini orang Cam tinggal di merata tempat di Semenanjung Malaysia. Penghijrahan keluar dari Kelantan ini disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi dan sosial khususnya perniagaan, pendidikan dan pekerjaan. Penghijrahan mereka keluar dari Kelantan sudah pasti akan mengubah struktur dan organisasi sosial tradisional, khususnya berkaitan dengan perkahwinan dan hubungan keluarga yang mereka amalkan semasa di negara asal atau semasa mereka mula datang ke Malaysia.

Salah satu perkampungan yang agak besar yang menempatkan masyarakat Cam di Kelantan ialah di Bunga Emas, Penambang yang terletak di daerah Kota Bharu dan di Berek Dua Belas. Perkampungan di Bunga Emas adalah atas tanah milik Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) yang diberi dalam bentuk sewaan (Zulfazli bin Hashim 2001).

Perkampungan orang Cam di Berek Dua Belas pula didirikan di atas satu tapak tanah yang dibeli khas atas nama seorang penduduk tempatan. Kedua-dua perkampungan itu terletak di tengah-tengah perkampungan orang Melayu tempatan. Hal ini memungkinkan hubungan yang erat antara orang Cam dengan penduduk tempatan.

PERKAHWINAN DALAM MASYARAKAT CAM

Perkahwinan adalah satu institusi yang penting dalam masyarakat tradisional. Perkahwinan menghubungkan dua keluarga yang tidak ada hubungan kekerabatan; meluaskan jalinan hubungan kekeluargaan jika perkahwinan berlaku antara sanak saudara. Ada beberapa perkara penting yang selalunya diberikan perhatian mengenai perkahwinan dan yang akan disentuh dalam makalah ini iaitu; siapa yang dipilih (atau pemilihan jodoh), umur perkahwinan, pertukaran barang-barang semasa berkahwin (atau mas kahwin dan hantaran) serta kenduri kendara.

Pemilihan Jodoh

Kebanyakan masyarakat mempunyai peraturan tentang pemilihan jodoh. Satu peraturan penting dalam kebanyakan budaya ialah sama ada membenar atau mengutamakan perkahwinan endogami atau eksogami. Dalam konteks yang luas, masyarakat Cam didapati mengutamakan perkahwinan endogami yakni memilih pasangan daripada kaum keluarga atau masyarakat mereka sendiri. Oleh itu tidak hairanlah jika kebanyakan pasangan Cam mengahwini sesama mereka; sama ada saudara mara dan orang se kampung. Mungkin disebabkan hal demikian maka terdapat peribahasa Cam yang berbunyi: *Khing anâk urang, thau krân tel asau sang urang* (kalau berkahwin dengan anak orang, kita harus berkenalan dengan anjing peliharaannya) (Moussay & Doung Tan Thi 2002: 36), maksudnya apabila berkahwin kita harus kenal dengan semua ahli keluarga pasangan. Justeru, tentulah mudah jika perkahwinan adalah di antara sanak saudara dan orang sekampung kerana tidak timbul lagi isu tidak mengenali satu sama lain. Malah dalam keadaan tertentu, berkahwin dengan saudara mara dekat dibenarkan sebagaimana disebut dalam peribahasa berikut: *Mik wa tada kamuen hu min* ([dalam keadaan terpaksa] anak saudara lelaki boleh berkahwin dengan anak saudara perempuan) (Moussay & Duong Tan Thi 2002: 35).

Sungguhpun kaum keluarga dan orang sekampung diutamakan, mereka sebenarnya tidaklah mengasingkan diri daripada masyarakat lain yakni dengan hanya mengamalkan perkahwian sesama sendiri sahaja. Apa yang penting bagi mereka ialah pasangan yang berkahwin mestilah sama agama iaitu Islam. Sebagaimana yang disebut dalam tulisan Taylor (2007: 96), orang Cam di Delta Mekong menerima baik etnik lain asalkan sesama Islam. Malah sebagaimana yang disebut oleh Tuan Mufti Kemboja, perkahwian di antara orang Cam dan orang Khmer (yang memeluk agama Islam) juga boleh berlaku. Cuma yang beliau khawatirkan ialah jika orang Khmer yang menganut agama Budhha sebelum ini kurang kuat agamanya maka jika memeluk Islam pun pegangannya agak lemah, akan tetapi jika agama Buddahnya kuat, setelah memeluk Islam, pegangannya terhadap agama Islam juga kuat².

Perkahwian biasanya diatur oleh ibu bapa atau kaum keluarga khususnya nenek atau kaum wanita³ yang merupakan ahli keluarga dekat. Lazimnya ibu bapa atau orang tengah akan merisik keluarga si gadis untuk mendapat kepastian sama ada keluarga si gadis bersetuju untuk dijodohkan. Jika respons yang diterima adalah positif, kedua keluarga akan berunding mengenai hal-hal yang berkaitan seperti mas kahwin dan hantaran serta tarikh yang sesuai untuk dilangsungkan majlis perkahwian. Tidak ramai anak muda yang mengambil peluang bertemu dengan teman lelaki atau wanita. Malah jika berpeluang pun mereka akan ditemani oleh kaum keluarga atau tetangga. Kesucian teruna dara dipandang tinggi oleh masyarakat Cam. Mengenai hal ini Haji Yaacob⁴ memberitahu bahawa walaupun pasangan yang akan berkahwin merupakan kawan atau teman sepermainan semasa kecil tetapi apabila bertunang mereka tidak dibenarkan berjumpa sehinggalah hari perkahwian.

Oleh kerana keluarga sebelah lelaki yang akan mencarikan calon isteri untuk anak lelaki mereka maka selain daripada hubungan kekeluargaan yang sudah terjalin, kriteria lain yang berkaitan dengan keluarga si gadis serta ciri-ciri si gadis itu juga dititik beratkan. Hal ini boleh dilihat dalam peribahasa mereka iaitu antara lain:

1. *Kajap paga yua kamei mayah king kamei ruah phun pajaih* (kuat keluarga kerana perempuan). Jika mahu berkahwin pilihlah anak gadis daripada keluarga yang baik (Moussay & Duong Tan Thi 2002: 36).
2. *Athau jihak keim lithei mayah duah kumei juai ruah binai* (kita boleh memberi nasi kepada anjing jahat tetapi jika mencari isteri jangan pilih yang cantik), maksudnya jikalau hendak berkahwin haruslah mencari isteri yang berkelakuan baik (Moussay & Duong Tan Thi 2002: hal 36).

3. *Siam binai o buh tamâ gaok hu* (perempuan cantik tidak dapat menggunakan periuk belanga) maksudnya lebih baik perempuan yang rajin daripada perempuan yang cantik (Moussay & Duong Tan Thi 2002: 37),
4. *Padeng paga gleng di palei, yah khing kamei ruah phun pajaih* (kalau dipasang pagar, seluruh kampung akan melihat), yang bermaksud jika mahu berkahwin pilihlah anak gadis daripada keluarga yang baik (Moussay & Duong Tan Thi 2002: 37).

Memilih saudara mara sendiri untuk dijadikan menantu masih diamalkan oleh kebanyakan orang Cam di Kelantan. Akan tetapi oleh kerana kaum keluarga mereka juga tidak lagi menetap di Kelantan, maka perkahwinan yang berlaku adalah antara mereka yang tinggal di negeri-negeri lain di luar Kelantan. Selain itu, migrasi disebabkan oleh perniagaan serta pendidikan telah menyebabkan perkahwinan antara orang Cam dengan orang Melayu tempatan semakin bertambah. Encik Ahmad⁵ misalnya telah mengawini anak kepada tuan rumah tempat dia menyewa semasa mula datang ke Kelantan. Encik Al-Hawari⁶ telah mengahwini Reena yang berasal dari Johor, yang dia temui semasa berulang alik membawa barang perniagaannya ke Johor.

Umur Perkahwinan

Kebanyakan orang lelaki Cam di Kemboja berkahwin pada usia antara 19 hingga 25 tahun sementara umur perkahwinan bagi wanita lebih muda yakni antara 16 hingga 22 tahun. Berdasarkan data daripada kajian, didapati umur perkahwinan pertama berbeza-beza mengikut tahap pendidikan. Gadis Cam yang berpeluang belajar hingga ke peringkat universiti lazimnya berkahwin selepas tamat belajar. Akan tetapi bagi mereka yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran sama ada kerana masalah kewangan atau tidak memenuhi kelayakan, umur perkahwinan lebih rendah. Malah ada juga anak gadis yang diberhentikan sekolah menengah oleh ibu bapa mereka kerana hendak dikahwinkan dengan lelaki pilihan keluarga. Dalam kebanyakan masyarakat tradisional (khususnya masyarakat tani), mengahwinkan anak (perempuan) pada usia yang muda boleh meringankan beban ibu bapa. Bagi keluarga lelaki pula, perkahwinan penting dari segi menambahkan zuriat kerana keluarga yang besar dengan anak-anak yang ramai dapat membantu mengerjakan sawah atau menjaga ternakan. Selain itu dalam masyarakat tani yang miskin, di mana kadar mortaliti/kematian bayi agak tinggi maka

mempunyai anak yang ramai juga penting kerana ibu bapa biasanya tidak pasti berapa lama anak-anak mereka dapat terus hidup jika tahap rawatan perubatan masih rendah dan keluarga tidak mampu mengawal jangkitan penyakit.

Gadis-gadis yang tidak meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi biasanya akan berkahwin dalam lingkungan umur akhir belasan atau awal dua puluhan. Siti Hajar⁷, 19 tahun, seorang gadis Cam yang menjadi pembantu kedai di Pasar Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) yang ditemui beberapa kali semasa kajian dijalankan (bulan Mac 2008, Jun 2008, September 2008) telah berkahwin dan tidak bekerja lagi semasa kajian dijalankan pada bulan Mei 2009. Usra, anak Che Ngah di Tendung juga telah berkahwin dengan lelaki Cam yang merupakan pilihan keluarganya setelah tamat sekolah menengah. Walau bagaimanapun, Noraini, anak kepada Haji Muhamad Rashid, iaitu sepupu kepada Usra berkahwin setelah tamat belajar dari universiti.⁸

Upacara Perkahwinan

Upacara perkahwinan yang berlangsung biasanya disertai dengan tukar menukar hadiah atau hantaran. Di Kemboja, mas kahwin lazimnya sekitar USD500 bagi orang kampung akan tetapi nilai itu boleh mencecah hingga USD2,000⁹. Akad nikah¹⁰ akan diekori dengan jamuan. Akad nikah biasanya dilakukan di masjid, tetapi anak dara tidak datang ke masjid. Selepas akad nikah, kenduri akan diadakan di kedua-dua buah rumah pada hari yang sama¹¹. Menurut Tuan Mufti, jarang sekali ada majlis akad nikah tanpa kenduri, lazimnya paling lama jarak hanyalah tiga hari.

Orang Cam yang tinggal di Kelantan masih lagi melakukan amalan yang serupa dengan apa yang diamalkan di Kemboja. Bagaimanapun, hal ini bergantung kepada sejauh mana pengaruh penduduk tempatan, yakni orang Melayu Kelantan terhadap cara hidup orang Cam. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini cara hidup orang Kelantan banyak mempengaruhi kehidupan orang Cam. Sungguhpun masih ramai yang bergotong royong menguruskan persiapan kenduri kahwin tetapi perkembangan sektor penyajian makanan (*catering*) untuk kenduri perkahwinan yang dilihat lebih mudah dan cekap, maka amalan sedemikian turut diikuti oleh sesetengah orang Cam yang menetap di Kelantan. Hal sedemikian mungkin dianggap lebih praktikal memandangkan kebanyakan generasi pertama orang Cam telah berusia lebih 50 tahun, anak-anak mereka yang dewasa pula telah berhijrah ke merata tempat di

Semenanjung kerana berniaga atau bekerja dalam pelbagai sektor, justeru kenduri kendera secara bergotong royong dan memakan masa yang lama tidak dapat dipraktikkan lagi.

INSTITUSI KEKELUARGAN MASYARAKAT CAM

Bahagian berikut akan menyentuh mengenai kehidupan orang Cam khususnya yang berkaitan dengan persekitaran hubungan keluarga, tempat tinggal, peranan suami isteri dan asuhan anak-anak.

Hubungan sosial dalam masyarakat Cam berpusat dalam keluarga, khususnya keluarga sebelah ibu. Banyak tulisan menyebut bahawa masyarakat Cam (di Kemboja) mengamalkan sistem keluarga matrilineal. Bagaimanapun, berdasarkan maklumat yang dikumpul, hubungan kekeluarganya lebih bersifat matrifokal dan matrilokal. Hal ini dapat dilihat dalam konteks kediaman, pengurusan wang dan peranan wanita dalam keluarga.

Terdapat banyak peribahasa yang menggambarkan mengenai keakraban hubungan kekeluargaan ini dan tumpuan hubungan kepada keluarga sebelah ibu, antaranya:

1. *Adat kayau phun hapak jruh tak nan* (di mana pohon tumbuh, di situ daun gugur), yang bermaksud selalunya seseorang akan kembali ke tempat kelahirannya untuk disemadikan diperkuburan suku ibunya (Moussay & Duong Tan Thi 2002: 27).
2. *Aia hu haluw kayau hu agha* (Batang air berhulu, batang pohon berakar) yang bermaksud kita akan sering bergantung kepada keluarga satu keturunan) (Moussay & Duong Tan Thi 2002: 27).
3. *Hanail inâ takai, pa-ndik hatai baoh* (Kaki tersepak, sakitnya sampai ke hati) maksudnya jika seorang ahli dalam keluarga menderita, semua ahli dalam keluarga tersebut akan juga menderita (Moussay & Duong Tan Thi 2002: 30)¹²

Orang Cam menyusur-galur keturunan dan mewariskan harta melalui sanak saudara sebelah ibu dan membentuk kediaman matrilokal.

Tempat Tinggal

Hampir semua masyarakat mempunyai peraturan berkaitan dengan tempat tinggal pasangan yang baru berkahwin. Dalam masyarakat Cam, amalan yang biasa ialah kediaman matrilokal, yakni pasangan yang baru

berkahwin akan tinggal bersama keluarga sebelah isteri¹³, lazimnya dalam jangkamasa setahun. Menurut orang Cam yang ditemui di Kemboja¹⁴, amalan ini mempunyai fungsi tertentu. Antaranya ialah bagi memastikan si suami (atau menantu lelaki) sudah benar-benar mampu daripada segi kewangan untuk menyara keluarga sendiri. Oleh sebab itulah pasangan muda selalunya akan berpindah ke rumah kediaman mereka sendiri setelah kelahiran anak pertama. Rumah mereka juga biasanya dibina berdekatan dengan rumah ibu bapa isteri. Hal ini juga mempunyai kaitan dengan keakraban hubungan di antara anak perempuan dan ibu mereka.

Mungkin kerana hubungan anak perempuan yang rapat dengan ibu dan keluarga mereka sendiri maka terdapat gadis/wanita Cam yang walaupun berkahwin sesama kaum mereka enggan berpisah dari keluarga. Perpisahan ini lebih dibimbangi jika mereka terpaksa berhijrah ke tempat yang jauh. Hal ini dapat dilihat dalam kes Haji Yaacob¹⁵ di Kampung Banggol Tok Hajar, Tanah Merah. Beliau yang berusia 64 tahun mempunyai empat orang anak satu lelaki dan tiga perempuan. Anak perempuannya yang ketiga dan keempat telah meninggal dunia sewaktu mereka masih kecil. Anak lelakinya yang sulong menetap di Johor sementara anak perempuannya menetap di Melaka. Isteri beliau telah lama meninggal dunia. Haji Yaacob kemudiannya berkahwin dengan wanita Cam. Perkahwinan itu kekal selama lima tahun tetapi isterinya kembali ke Kemboja dan tidak mahu pulang semula ke Malaysia. Beliau kemudiannya berkahwin kali ketiga dengan wanita Cam juga. Perkahwinan itu berlangsung di Kemboja, hanya selama seminggu sahaja kerana wanita berkenaan enggan mengikutnya menetap di Malaysia. Kini Haji Yaacob tinggal bersendirian di rumahnya di Tanah Merah. Dan kini Hj Yaacob baru berkahwin dengan seorang yang juga dari Kemboja, Puan Asmak bt Harun, dari Chrang Chamres. Beliau berharap akan bersama isterinya sehingga ke akhir hayatnya.

Rumah Kediaman

Orang Cam di desa Kemboja biasanya tinggal di atas rumah yang dibuat daripada kayu atau buluh dan beratapkan jerami atau genting. Kebanyakan rumah dibina di atas tiang yang agak tinggi iaitu antara 1.3 hingga 4 meter di atas tanah (Foto 1). Hal ini penting bagi mengelakkan daripada banjir terutamanya pada musim hujan. Di bawah rumah terdapat pangkin atau tempat duduk dan buaian (hammock). Ahli keluarga berkumpul di bawah rumah semasa panas tengah hari sambil membuat kerja rumah, melihat anak-anak bermain dan bertegur sapa dengan jiran tetangga yang



Foto 1. Rumah petani Cam di Kemboja

lalu. Malah kebanyakan temubual dengan informan semasa kajian lapangan di Kemboja berlaku di bawah rumah.

Pada waktu petang dan malam mereka naik ke atas untuk makan, berbual, berehat dan tidur. Bahagian di atas rumah merupakan tempat menyimpan barang milik keluarga, ruang terbuka untuk melayan tetamu dan tempat makan. Bagi keluarga petani, rumah mereka tidak ada banyak perabot, pakaian digantung pada tali yang dipasang di tepi dinding. Rumah mereka tidak ada bilik tidur tetapi hanya ada tabir yang memisahkan antara ruang menerima tetamu dengan ruang tidur. Ahli keluarga lazimnya tidur di atas tikar yang kemudiannya digulung dan disandarkan ke dinding atau di simpan di ruang simpanan pada waktu siang. Ruang di dalam rumah agak gelap kerana hanya ada satu atau dua tingkap sahaja. Kebanyakan rumah tidak dilengkapi dengan bekalan elektrik, air paip, sistem kumbahan dan perparitan.

Rumah orang Cam yang sederhana pendapatan mereka dan terletak berhampiran dengan pekan atau bandar mempunyai bekalan elektrik. Oleh itu terdapat set televisyen dan radio. Jika mereka mempunyai anak-anak yang bersekolah maka rumah berkenaan biasanya mempunyai sedikit buku, kertas dan alat tulis. Bagi sesetengah keluarga yang mempunyai ahli yang belajar agama, maka dapat dilihat koleksi kitab dalam almari di rumah mereka. Akan tetapi sebagaimana juga dengan rumah petani di kampung, rumah orang Cam di pekan atau bandar juga dibina di atas tiang yang tinggi bagi mengelakkan banjir (Foto 2).



Foto 2. Rumah yang lebih besar milik petani Cam

Rumah melambangkan status seseorang dan ini dapat dilihat daripada bahan binaan rumah berkenaan dan berapa banyak bumbung yang terdapat pada sesebuah rumah. Rumah petani biasanya dibuat daripada kayu dan bertangga kayu juga dengan hanya satu atau dua bumbung. Sementara itu bagi keluarga yang berada rumah mereka kadang-kadang dibuat daripada batu, tangga juga daripada simen dan bumbungnya boleh sampai hingga lima atau tujuh.

Penempatan orang Cam di Paya Rambai, Kota Bharu, Kampung Tendung, Pasir Mas dan Bunga Emas, Penambang memperlihatkan bahawa jalinan hubungan kekeluargaan sangat penting. Ahli keluarga yang mempunyai hubungan kekerabatan tinggal di atas sebidang tanah dan membina rumah berdekatan antara satu sama lain. Semua rumah di Bunga Emas dibina di atas tiang yang tingginya lebih dari satu meter. Ini bertujuan untuk mengelakkan banjir. Walau bagaimanapun ada juga rumah-rumah yang mempunyai ruang tamu dan bilik di bahagian atau tingkat bawah, akan tetapi tidak banyak perabot diletakkan di bahagian bawah ini mungkin bagi memudahkan pengurusan bila berlaku banjir. Kebanyakan keluarga di Bunga Emas memiliki van, kereta, motorsikal atau motorsikal bertayar tiga. Kenderaan penting memandangkan kebanyakan mereka berniaga. Van terutamanya dapat digunakan untuk mengangkut barang ke pasar atau mengambil barang dari kilang atau sumber-sumber lain.

Keluarga-keluarga orang Cam yang ditemui tampaknya terdiri daripada pelbagai lapisan sosioekonomi. Hal ini dimanifestasikan daripada keadaan rumah kediaman mereka. Kebanyakan rumah mereka yang

berada adalah rumah batu dua tingkat, dibina sendiri atau dibeli yang sudah siap dan terletak di pinggir pusat bandar yang mahal harga tanahnya. Mengikut anggaran semasa rumah itu bernilai lebih RM100,000. Menurut penduduk tempatan¹⁶, rumah yang telah siap dibeli secara tunai oleh orang Cam. Rumah-rumah kediaman yang besar dan mahal ini kebanyakannya dimiliki oleh golongan muda yang berusia di sekitar 50an atau kurang. Hal ini tentunya mempunyai kaitan dengan tahap pendidikan mereka di mana ada di antara orang Cam yang merupakan lulusan Institut Teknologi Mara (ITM sekarang UiTM), lulusan universiti dalam dan luar negeri dan mempunyai pekerjaan tetap (menjadi ustaz, bekerja dalam bidang IT dan lain-lain).

Hubungan Kekkerabatan

Orang Cam dikatakan mengamalkan sistem keluarga matrilineal. Walau bagaimanapun, daripada pembacaan dan kajian yang dilakukan, amalan dalam sistem itu tidaklah sepenuhnya tetapi didapati lebih menjuruskan kepada sistem tersebut.

Adat kayun phun hapak jruh tak nan (Di mana pohon tumbuh di situ daunnya gugur) yang bermaksud selalunya, seseorang akan kembali ke tempat kelahirannya untuk disemadikan di tanah perkuburan suku ibunya (Moussay & Duong Tan Thi 2002: 27). Juga disebut, *Ain hu haluw, kayau hu agha* (Batang air berhulu, batang pohon berakar), maksudnya kita sering bergantung kepada keluarga satu keturunan (Moussay & Duong Tan Thi 2002: 27).

Anak dan Pola Sosialisasi

Kelahiran anak disambut dengan gembira oleh keluarga dan komuniti. Bayi diberikan susu ibu sehingga berusia dua tahun. Pada umur empat tahun anak-anak dijangka boleh mengurus diri sendiri dan ibu tidak perlu lagi menyuap makanan dan minuman dan mandikan mereka. Malah secara beransur-ansur mereka diberikan tugas menjaga adik-adik yang lebih kecil. Sehingga mereka berkahwin mereka diletakkan di bawah pengawasan ibu bapa. Malah setelah berkahwin pun pengaruh ibu bapa masih kuat. Anak-anak dijangkakan menghormati kedua ibu bapa dan orang yang lebih tua, kerana itu mereka dihukum jika melanggar peraturan dan adat resam itu.

Kanak-kanak Cam di Kemboja mula bersekolah dalam usia enam atau tujuh tahun sebagaimana kanak-kanak Khmer. Kebanyakan mereka

belajar di sekolah kebangsaan pada sebelah pagi dan sebelah petangnya mereka belajar di sekolah agama. Di Km9 Phnom Penh, kanak-kanak dalam lingkungan umur pra-sekolah telah mula dihantar ke tadika¹⁷. Walaupun kebanyakan wanita Cam di Kelantan berniaga dan meninggalkan rumah hampir setiap hari, tetapi mereka tidaklah pula mengabaikan peranan sebagai ibu. Ini dapat dilihat pada Noraini (anak Haji Mohd Rashid) yang turut membawa anaknya yang masih kecil bersama-sama ke pasar. Sementara itu wanita yang telah tua pula sangat mengambil berat ke atas kebajikan cucu mereka. Isteri Haji Abdullah yakni Hajjah Halimah, Che Ngah malah Che Atikah (isteri Haji Abdul Kadir) dan Hajjah Rafeah (ibu mertua Reena) memainkan peranan penting menjaga cucu-cucu mereka sama ada yang tinggal bersama atau yang datang pada masa cuti. Che Atikah dan Haji Abdul Kadir menjaga cucu (semasa ibu mereka keluar berniaga) di rumah. Haji Abdul Kadir yang juga guru agama mengajar cucunya mengaji Quran, membaca dan menulis jawi.

Sebagaimana yang dengan kanak-kanak Melayu tempatan yang lain, anak-anak orang Cam juga dihantar belajar ke tadika dan kemudiannya ke sekolah-sekolah rendah dan menengah di sekitar tempat kediaman mereka. Hal ini memberi peluang kepada kanak-kanak berkenaan bergaul dengan kanak-kanak tempatan. Pergaulan dan persekolahan itu telah memberi peluang kepada kanak-kanak belajar bahasa Melayu malah bertutur dalam loghat Kelantan. Selain itu ada juga orang Cam yang menghantar anak-anak mereka belajar ke sekolah Cina. Menurut Mohamad Zain bin Musa (2001), hal ini boleh difahami dalam konteks aktiviti ekonomi yang memerlukan mereka berinteraksi dengan golongan peniaga Cina sama ada sebagai pembekal atau pemborong. Sehubungan itu mereka berpendapat anak-anak mereka perlu menguasai bahasa pertuturan orang Cina sejak kecil lagi.

Pekerjaan dan Peranan Gender

Sebagaimana dengan orang Asia yang lain, kebanyakan orang Cam adalah petani. Mereka menanam padi (padi sawah), malah ada juga yang berhumah. Selain itu mereka juga menanam tanaman lain seperti kapas, jagung, tembakau, kacang tanah dan sayur-sayuran. Mereka juga membela binatang seperti lembu, kerbau dan itik. Oleh kerana kebanyakan mereka tinggal di sepanjang Tasik Tonle Sap dan Sungai Mekong maka, ramai di antara mereka yang menjadi nelayan.

Dengan aktiviti pertanian (terutamanya penanaman padi), menternak dan menangkap ikan itu tidak hairanlah jika nasi adalah makanan utama orang Cam. Ikan menjadi lauk yang utama kerana mudah diperolehi dari tasik dan sungai berdekatan. Selain itu mereka juga makan daging dan ayam kerana ada di antara mereka yang membela binatang tersebut. Lauk pauk mereka dimasak dengan menggunakan bawang, bawang putih, cili, halia dan serai. Oleh kerana hampir semua orang Cam beragama Islam mereka tidak makan babi dan minum alkohol. Dalam masyarakat yang meletakkan kedudukan lelaki lebih tinggi, maka lazimnya kaum lelaki makan terlebih dahulu barulah diikuti oleh wanita dan kanak-kanak.

Terdapat pembahagian peranan yang agak jelas di antara lelaki dan perempuan. Kebanyakan kerja orang perempuan adalah di sekitar rumah dan keluarga. Orang lelaki pula terlibat dengan pekerjaan di luar rumah, kadang-kala jauh dari rumah seperti menangkap ikan, menyembelih lembu dan menjual daging lembu. Hal yang sama juga dengan kerja penanaman padi. Kebanyakan lelaki bekerja di sawah, sementara kaum wanita membuka kedai runcit atau kedai makan di tepi rumah atau di bawah rumah. Di kalangan orang Cam di Kelantan, lelaki dan perempuan saling bantu membantu terutamanya dalam bidang perniagaan kain; wanita berniaga di pasar sementara lelaki mengangkut barang-barang (kain) untuk dihantar kepada peruncit atau membawanya ke kedai.

PERBINCANGAN

Orang Cam baik di Kemboja mahupun di Malaysia telah mengalami banyak perubahan berikutan dengan pembangunan pesat yang berlaku dalam masyarakat di mana mereka tinggal. Sungguhpun perubahan di Kemboja, khususnya di perkampungan yang jauh daripada Phnom Penh agak perlahan tetapi perhubungan di antara orang Cam dengan masyarakat luar khususnya kerana migrasi ke luar (baik ke bandar-bandar besar mahu pun ke luar Kemboja, khususnya ke Malaysia), maka institusi perkahwinan dan keluarga dalam masyarakat berkenaan juga turut mengalami perubahan sedikit demi sedikit. Dalam konteks perkahwinan umpamanya bilangan gadis Cam yang berkahwin dengan orang Melayu dari Malaysia semakin bertambah. Malah di Kemboja dinyatakan bahawa permohonan untuk berkahwin dengan gadis Cam sentiasa diterima oleh pejabat Mufti¹⁸. Bagaimanapun, disebabkan beberapa kes perceraian yang berlaku¹⁹, perkahwinan di antara orang Cam dan orang Malaysia ditangguhkan pada masa itu.

Di Kelantan, perkahwinan sesama orang Cam masih diamalkan, malah pemilihan jodoh yang ditentukan oleh keluarga juga masih diteruskan. Bagaimanapun, disebabkan migrasi ke luar dari Kelantan maka pasangan bukan sahaja berkahwin antara sesama Cam yang berhijrah ke luar dari Kelantan, malah antara orang Cam dengan orang Melayu tempatan baik di Kelantan mahupun di luar Kelantan.

Kebanyakan keluarga Cam yang ditemui di Kelantan masih memperlihatkan jalinan hubungan kekerabatan yang erat. Hal ini agak mudah kerana kebanyakan sanak saudara tinggal berdekatan. Selain itu mereka terlibat dalam bidang pekerjaan yang sama yakni berniaga, maka hubungan bantu membantu menjadi bertambah kukuh.

Sebagaimana dengan masyarakat lain keluarga merupakan institusi penting dalam masyarakat Cam, sebab itulah mereka yang tidak mementingkan keluarga sering kali dilemparkan dengan pelbagai sindiran seperti:

1. *Mbeng lithei sang ndom gruk ngar* (Makan nasi di rumah dan menguruskan hal orang lain) (Moussay & Duong Tan Thi 2002: 28)
2. *Klak gep pajiong di urang tabiak di sang urang kli bilei* (sesiapa yang membelakangi keluarganya dan membantu orang lain akan diejek orang ramai) (Moussay & Duong Tan Thi 2002: 29)
3. *Klak phun ga-mbak di dhan klak gep patian tuei urang parat* (Meninggalkan kaum keluarganya dan mengikuti orang lain, sama seperti melepaskan pohon dan bersandar pada dahan) (Moussay & Duong Tan Thi 2002: 29)
4. *Hanaik ina takai pa-ndik hatai baoh* (kalau kaki tersepak sakitnya sampai ke hati) (Moussay & Duong Tan Thi 2002: 30)

PENUTUP

Setakat mana institusi perkahwinan dan keluarga dalam masyarakat Cam dapat kekal sebagaimana dengan apa yang pernah diamalkan pada masa dahulu, atau yang masih diamalkan oleh orang Cam yang tinggal di desa tidaklah dapat dipastikan. Ini kerana masyarakat Cam yang ditemui baik di Kemboja mahupun di Kelantan mempunyai dua pandangan yang berbeza. Pertama ialah golongan yang ingin mengekalkan identiti mereka dengan mengekalkan budaya Cam dalam semua aspek kehidupan. Kepada mereka ajaran Islam menjadi panduan penting dalam kehidupan seharian. Mereka bimbang dengan pengaruh permodenan khususnya di bandar yang mungkin menghakis sedikit demi sedikit budaya mereka. Golongan

kedua, walaupun masih menekankan pentingnya ajaran Islam tetapi berpendapat bahawa budaya Cam sudah tidak ada makna lagi. Kalau boleh mereka mahu lupakan semuanya dan mahu meneruskan hidup bersama masyarakat tempatan (di Malaysia) atau mengikut sahaja arus perubahan yang berlaku di Kemboja mahupun di Kelantan.

Dua pandangan yang berbeza itu sudah pasti akan mempengaruhi kehidupan masyarakat Cam baik di Malaysia mahupun di Kemboja. Implikasinya institusi perkahwinan dan keluarga dalam masyarakat Cam lambat laun akan mengalami perubahan jua. Selain itu, migrasi ke luar di kalangan wanita Cam turut mengubah pola perkahwinan dan hubungan kekeluargaan dalam masyarakat berkenaan. Wanita-wanita Cam yang ditemui sepanjang penyelidikan di kampung-kampung Cam di Kemboja menyebut bahawa mereka pernah datang ke Malaysia dan bekerja di kilang-kilang, menjadi pembantu rumah atau pekerja restoran. Walaupun ada yang ditipu oleh orang tengah, masih ramai yang mahu datang ke Malaysia untuk bekerja. Hal ini menggambarkan kelonggaran yang diberi kepada anak-anak muda oleh ibu bapa terhadap anak-anak perempuan mereka yang belum berkahwin. Hal ini tidak dapat tidak akan mempengaruhi umur perkahwinan di kalangan wanita dan seterusnya pergantungan ekonomi di kalangan wanita terhadap keluarga dan kaum lelaki.

NOTA

- ¹ Ubahsuai dari kertas kerja yang dibentangkan dalam Third International Conference on Southeast Asia. Anjuran Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009. Data yang dibentangkan ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian mengenai masyarakat Cam di bawah Geran UKM-GUP-TKS-08-10-272.
- ² Temu bual dengan Tuan Mufti Haji Kamarudin di rumahnya di Km9 Phnom Penh pada 22 November 2008
- ³ Hal ini diberitahu oleh Tuan Mufti Haji Kamarudin semasa temubual di rumahnya di Km9 Phnom Penh pada 22 November 2008.
- ⁴ Temubual dengan Tuan Haji Yaacob di rumahnya di Banggol Tok Hajar, Tanah Merah pada 17 April 2009.
- ⁵ Temu bual dengan Haji Ahmad Othman pada 23 April 2008.
- ⁶ Temubual dengan Reena pada 25 April 2008
- ⁷ Siti Hajar ditemui pertama kali di Pasar MPKB pada April 2009. Semasa pengkaji mengunjungi Pasar MPKB pada Mei 2009, dia tidak bekerja lagi kerana telah berkahwin beberapa bulan sebelum itu.
- ⁸ Noraini adalah lulusan Sarjana Muda daripada Universiti Malaysia Sabah.

- ⁹ Temubual dengan Hasan Basri dan keluarganya di Kg. Sla Kéat, Provinsi Battambang, Kemboja.
- ¹⁰ Menurut Tuan Mufti, tidak ada surat nikah (sebagaimana di Malaysia) yang dikeluarkan tetapi cuma surat mengisytiharkan perkahwinan.
- ¹¹ Hal ini agak mudah dilakukan kerana kedua pengantin biasanya bersaudara dan tinggal dalam kampung yang sama.
- ¹² Peribahasa Melayu, cubit paha kanan, paha kiri terasa jua.
- ¹³ Mungkin kerana amalan inilah masyarakat Cam sering kali dirujuk sebagai masyarakat yang mengamalkan sistem kekeluargaan matrilineal.
- ¹⁴ Temubual dengan Tuan Mufti Haji Kamarudin di rumahnya di Km9 Phnom Penh pada 22 November 2008.
- ¹⁵ Temubual dengan Tuan Haji Yaacob di rumahnya di Banggol Tok Hajar Tanah Merah pada 17 April 2009.
- ¹⁶ Temubual dengan Tuan Haji Mohd Yusoff Abdullah pada 25 April 2008.
- ¹⁷ Tadika ini merupakan sebahagian daripada sekolah agama Al-Ehsan.
- ¹⁸ Temubual dengan Tuan Mufti Haji Kamarudin di rumahnya di Km9 Phnom Penh pada 22 November 2008.
- ¹⁹ Salah satu daripadanya ialah tuntutan nafkah perceraian oleh Siti Aishah, wanita Cam yang mengahwini lelaki Kelantan.

RUJUKAN

- Abdullah bin Mohamad (Nakula). 1989. *Keturunan Melayu di Kemboja dan Vietnam: Hubungan dengan Semenanjung dengan tumpuan khas kepada negeri Kelantan. Warisan Kelantan*, Bil VIII, Perbadanan Muzium Negeri. Hlm. 27-41.
- Mohamad Zain bin Musa. 2001. *Masyarakat Cam selepas suku abad di Malaysia: Tumpuan di Negeri Kelantan. Kolokium Perbadanan Melayu Kawasan Timur Laut. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia*, 18-21 September.
- Mohamad Zain bin Musa. 2004. *Masyarakat Cam dan migrasinya*. 4th. International Malaysian Studies Conference. Bangi, 3-5 Ogos.
- Moussey, G. & Duong Tan Thi (Phys.). 2002. *Peribahasa Cam (Dictons & Proverbs Cam)*. Koleksi manuskrip Melayu Campa. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, kesenian dan Pelancongan Malaysia & Ecole Française D'Extrême-Orient.
- Nik Mohamed Nik Mohamad Salleh. 2005. *Hubungan kekeluargaan di antara masyarakat Cam dengan masyarakat Melayu di Kelantan. Seminar Antarabangsa Kajian Campa, Siri Kedua. Universiti Kebangsaan Malaysia*, Bangi, 30 November.
- Taylor, P. 2007. *Cham Muslims of the Mekong Delta: Place and mobility in the cosmopolitan periphery*. Singapore: Southeast Asian Publication Series.
- Zulfazli bin Hashim. 2001. *Kedatangan masyarakat Cam di sekitar Kota Bharu, Kelantan dengan tumpuan kepada kedatangan sejak 1975 dan asimilasi sosio-budayanya. Kertas Projek Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia (KYM)*, Bangi.

Fatimah Abdullah, Ph.D.
Profesor Madya
Program Kerja Sosial
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: timah@ukm.my

Mohamad Zain Musa, Ph.D.
Felo Penyelidik Kanan
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: matzen@ukm.my

Farid Mat Zain, Ph.D.
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Islam
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: farid@ukm.my